

Senario Pertumbuhan Ekonomi 2017-2018

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ekonomi Malaysia untuk tiga suku pertama tahun ini telah tumbuh dengan lebih pantas di luar jangkaan. Keluaran dalam negara kasar (KDNK) tumbuh dengan kadar tahunan 5.6%, 5.8% dan 6.2% masing-masing untuk suku pertama, kedua dan ketiga. Sehubungan dengan itu, MIER buat kali kedua telah menyemak unjuran pertumbuhan ekonomi untuk tahun ini sebanyak dua mata peratusan, dari 5.4% kepada 5.6%. Sebelum ini pada bulan Oktober yang lepas, MIER telah pun menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi untuk 2017 dari 4.8% kepada 5.4% berdasarkan prestasi suku pertama dan suku kedua.

Pertumbuhan di luar jangkaan ini berlaku terutamanya disebabkan oleh permintaan global yang tumbuh dengan sihat. Keadaan ini antara lain disumbangkan oleh pertumbuhan yang lebih baik dari jangkaan untuk kebanyakan ekonomi utama dunia. Ekonomi Amerika Syarikat (AS), Jepun dan kawasan euro telah tumbuh dengan lebih baik dari jangkaan awal, disokong oleh dasar fiskal dan kewangan yang efektif. Dalam pada itu ekonomi China walaupun tumbuh lebih perlahan, ianya tidak seperlahan dari jangkaan awal. Lain-lain ekonomi besar juga turut mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik, termasuk Rusia, Brazil, Turki dan India.

Pertumbuhan yang sihat di kalangan ekonomi utama dunia mempengaruhi perdagangan global. Ini disebabkan oleh peningkatan permintaan domestik oleh ekonomi utama tersebut. Sekali gus, jumlah dagangan dunia menunjukkan peningkatan. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan jumlah dagangan dunia untuk tahun ini dari jangkaan awal sebanyak 4.0% kepada 4.2% setahun.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Peningkatan jumlah dagangan dunia turut memberi impak terhadap ekonomi Malaysia. Ini kerana Malaysia merupakan antara negara dagangan utama di dunia. Pada tahun 2016, Malaysia merupakan negara pengeksport barangan ke 24 terbesar di dunia. Manakala, pada tahun yang sama Malaysia merupakan negara pengimport ke 26 terbesar dunia. Dari segi bahagian pasaran, Malaysia menyumbangkan 1.2% kepada eksport barangan dunia dan 1.0% import barangan dunia pada tahun lepas.

Selari dengan trend peningkatan jumlah dagangan dunia, pertumbuhan eksport dan import negara menunjukkan pertumbuhan dua-angka sepanjang tahun ini. Untuk sembilan bulan pertama 2017, eksport kasar Malaysia tumbuh pada kadar 21.6%. Manakala, import kasar juga tumbuh dengan pantas pada kadar 22.4%. Namun begitu, pertumbuhan import yang lebih pantas dari pertumbuhan eksport dijangka akan mengecilkan lebih akaun semasa di dalam imbalan bayaran negara pada masa terdekat.

Peningkatan aktiviti dagangan turut memberi kesan positif terhadap nilai ringgit. Ini kerana permintaan terhadap eksport secara langsung akan meningkatkan permintaan untuk ringgit kerana untuk keperluan membuat bayaran. Semenjak awal tahun 2017 sehingga ke minggu pertama November, ringgit telah meningkat sebanyak 7.1% berbanding dengan dolar AS, antara mata wang yang mempunyai prestasi terbaik. Namun demikian, nilai ringgit juga dipengaruhi oleh lain-lain faktor termasuk pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan serta sentimen yang lebih positif terhadap keadaan ekonomi dan politik negara.

Walaupun permintaan antarabangsa memberi sumbangan secara langsung yang kecil terhadap KDNK negara, peningkatan permintaan antarabangsa mempengaruhi aktiviti ekonomi domestik. Peningkatan eksport dan import barangan mempengaruhi aktiviti pengeluaran. Ini seterusnya akan memberi kesan positif terhadap permintaan domestik melalui peningkatan peluang pekerjaan serta peningkatan jumlah pendapatan swasta.

Sumbangan langsung yang kecil dari permintaan antarabangsa terhadap KDNK disebabkan oleh kebanyakan barangan yang dieksport mempunyai nilai ditambah yang kecil. Ini terutamanya untuk barangan yang melibatkan nilai rantai global. Barangan seperti ini bergantung kepada import barangan perantaraan separa siap yang

seterusnya diproses menjadi barangan siap untuk dieksport. Sumbangan langsung yang kecil dari permintaan antarabangsa untuk KDNK boleh dilihat dari segi peratusan mata sumbangan kepada kadar pertumbuhan. Umpamanya pada tahun 2016, 3.9 mata peratusan daripada 4.2% kadar pertumbuhan KDNK disumbangkan oleh permintaan domestik manakala sumbangan dari permintaan antarabangsa adalah kecil, iaitu kurang dari 0.5 mata peratusan.

Di dalam menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik, beberapa perkara berkaitan dengan keadaan makroekonomi juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Perlu diingat, pertumbuhan ekonomi negara rata-ratanya dipacu oleh permintaan domestik, terutamanya penggunaan swasta. MIER mengunjurkan penggunaan swasta pada tahun ini akan tumbuh pada kadar 6.2%. Kadar pertumbuhan ini adalah lebih pantas berbanding dengan pertumbuhan pelaburan. Penggunaan swasta tumbuh dengan pantas kerana peningkatan peluang pekerjaan, di samping peningkatan pendapatan boleh guna yang disumbangkan oleh pemberian kerajaan terutama di kalangan golongan B40.

Pertumbuhan penggunaan swasta yang pantas mempunyai kesan sampingan yang perlu diberi perhatian. Pertama, peningkatan hutang isi rumah terhasil dari perbelanjaan yang melibatkan kredit. Peningkatan isi rumah yang tidak terkawal bukan sahaja memberi impak kepada penggunaan masa hadapan, malah mempunyai kesan psikologi yang negatif. Oleh yang demikian, pendapatan isi rumah perlu dipertingkatkan dengan lebih pesat seelok-eloknya melebihi peningkatan perbelanjaan isi rumah. Ini mampu dicapai dengan melipatgandakan pertumbuhan produktiviti.

Kedua, pertumbuhan permintaan yang pantas akan menyumbangkan kepada inflasi. Pada masa yang sama, peningkatan harga minyak sejak kebelakangan ini juga turut menyumbangkan kepada inflasi tolakan kos. Jadi berkemungkinan kadar inflasi akan meningkat dengan lebih tinggi tanpa pengurusan yang sewajarnya. Selari dengan itu, Bank Negara dijangka akan menaikkan kadar faedah untuk memperlambatkan permintaan domestik. Justeru, kos pinjaman dijangka akan meningkat. Ini seterusnya memberi kesan kepada pengguna, di samping aktiviti pelaburan juga akan menjadi lebih perlahan.

